

| | | | |
|-------------|----------------------------------|------------|---------|
| Headline | THT mahu buru kejuaraan berganda | | |
| MediaTitle | Utusan Malaysia | Language | Malay |
| Date | 21 Sep 2016 | Readership | 563,000 |
| Circulation | 171,663 | Page No | 39 |
| Section | Sukan | Journalist | N/A |
| ArticleSize | 493 cm ² | | |
| PR Value | RM 29,231 | | |



SELEPAS mempertahankan kejuaraan Liga Hoki Malaysia buat kali ketiga berturut-turut, THT bersedia untuk menjadikan kejayaan mereka lebih bermakna apabila memburu gelaran berganda dalam Piala TNB bermula dengan mengalahkan Maybank hari ini.

THT mahu buru kejuaraan berganda

KUALA LUMPUR 20 Sept. - Masih segar dengan kejayaan merangkul kejuaraan hatrik Liga Hoki Malaysia (TNB-MHL), Pasukan Hoki Terengganu (THT) berada pada tahap keyakinan tertinggi untuk terus memburu sejarah apabila turun dalam separuh akhir pertama Piala TNB menentang Maybank esok.

Anak-anak buah Sarjit Singh semakin bersemangat untuk memahat rekod merangkul kejuaraan berganda secara hatrik selepas turut dinobat sebagai juara Piala TNB dalam dua musim terakhir.

Biarpun memasang impian tinggi, namun Sarjit mengingatkan pasukannya agar jangan me-

HARIINI (Separuh akhir pertama)

THT LWN MAYBANK
(Stadium Hoki Lembah Pantai, 6 petang)

SAPURA LWN KLHC
(Stadium Hoki Lembah Pantai, 8 malam)

mandang rendah keupayaan Maybar, lawan yang dianggap cukup mencabar.

THT yang muncul juara liga 2014, 2015, 2016 dan juara Piala TNB 2014 serta 2015 diletak sebagai pilihan untuk mengalahkan Maybank, apatah lagi mereka ber-

jaya menumbangkan *The Tigers* dalam saingan kalah mati sejak dua musim lalu.

Malah, Maybank juga adalah lawan yang sama dikalahkan mereka ketika bergelar juara Piala TNB sejak dua musim lalu.

"THT pernah melalui detik sukar musim ini. Kami hanya mengutip empat mata dalam empat perlawanan pertama.

"Ada satu masa, kami tidak pasti apakah kami boleh layak ke Piala TNB.

"Permainan terbaik kami adalah ketika menentang Sapura di Terengganu, pemain memberi aksi terbaik ketika itu.

"Jika kami boleh ulangi pres-

tasi tersebut, saya tidak nampak mengapa kami tidak boleh ke final (Piala TNB)," kata Sarjit yang turut membawa pasukannya mengalahkan Maybank dalam dua perlawanan liga musim ini.

Kata Sarjit, sejak dinobat sebagai juara liga minggu lalu, tumpuan pasukannya adalah mengatasi kelemahan yang ketara.

Tiga pasukan menjadi tumpuan dalam separuh akhir Piala TNB dan Maybank jelas bukan salah satu daripadanya.

Selain THT, Kelab Hoki Kuala Lumpur (KLHC) turut memiliki trofi selaku juara Piala Sumbangsih, manakala Sapura menjuarai Piala Tan Sri P. Alagendra.